

23/08/2004

Universiti baru tumpu tiga bidang: PM

BANDAR SERI ISKANDAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan mengutamakan bidang sains, teknologi dan bioteknologi dalam menimbangkan penubuhan universiti baru.

Perdana Menteri berkata, bidang itu bukan saja diisytiharkan sebagai pemacu pembangunan negara, malah dianggap bertambah penting kerana industri berkenaan semakin membesar dan kemungkinan menjadi lebih besar daripada teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT) pada masa depan.

Beliau berkata, kerajaan tidak mengehendkan penubuhan universiti baru, tetapi Kementerian Pengajian Tinggi akan mengkaji segala aspek termasuk kursus yang ditawarkan sebelum meluluskannya.

"Kalau tidak boleh, maka tentu kita kata jangan, itulah jadi had. Bila kita nak tubuh sesuatu universiti, kita mengambil kira tenaga kerja dan kursus yang ditawarkan. Semua itu kita ambil kira, lepas itu kita tubuh universiti.

"Ini mesti ada perancangan. Kita hendak pastikan apabila kita tubuh universiti, pelajar yang belajar mempunyai peluang untuk menyumbang kepada pembangunan negara sebaik tamat pengajian.

"Sebab itu, pada masa ini tumpuan diberikan kepada sains dan teknologi terutama bioteknologi," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, semalam.

Turut hadir, Canselor UTP Tun Dr Mahathir Mohamad; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican; Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, dan Rektor UTP Dr Rosti Saruwono.

Abdullah berkata, sambutan pihak swasta untuk menubuhkan universiti adalah baik, contohnya Telekom Malaysia, Petronas dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Jadi, saya harap pihak yang mahu menubuhkan universiti mesti mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan memastikan pengajaran dan pembelajarannya berada pada tahap yang tinggi.

"Kalau ini dapat dipastikan saya percaya universiti yang ditubuhkan itu akan berjaya dan mampu mengeluarkan tenaga kerja yang diperlukan untuk pembangunan negara," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata, Malaysia harus memandang jauh dan memberi penekanan kepada industri berasaskan sains, bioteknologi, ICT serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Namun, katanya, industri ini tidak boleh wujud tanpa satu elemen terpenting, iaitu tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dan mahir dalam teknologi terkini.

"Selaras itu, kerajaan sedar sektor pendidikan negara harus melalui satu arus perubahan yang terancang untuk memahirkan tenaga pekerja terbabit," katanya.

Untuk tujuan itu, katanya, bidang pendidikan yang berasaskan sains dan teknologi diberi penekanan pada peringkat sekolah, pasca sekolah dan universiti.

Katanya, penekanan terus diberikan kepada bidang pendidikan berasaskan sains dan teknologi sehingga berjaya menghasilkan penyelidik dan pakar sains, kejuruteraan, perubatan dan ICT yang mahir.

Bagaimanapun, katanya jumlahnya masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang begitu banyak daripada pihak industri.

"Oleh itu, kerajaan mengambil beberapa langkah untuk menambahkan lagi peluang pembelajaran termasuk membuka ruang kepada sektor swasta untuk

sama-sama memainkan peranan dalam membangunkan sektor pendidikan negara," katanya.

Mengenai UTP, beliau yakin universiti itu akan terus maju dan mengikuti jejak langkah Petronas.

"Petronas sudah menempa nama pada peringkat antarabangsa sebagai sebuah syarikat yang dinamik dan disegani serta berjaya membawa imej Malaysia yang berani meneroka pasaran baru di luar negara.

"Saya berharap semangat ini akan menjadi perangsang kepada UTP untuk turut mencipta sejarah dengan menjadikannya sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkemuka di rantau Asia," katanya.

(END)